



Submission date: 11/01/2018

Accepted date: 20/04/2018

PENGAMALAN BENTUK-BENTUK KOMUNIKASI DAKWAH PENDAKWAH ORANG ASLI

The Practice of Dakwah Communication Types by Muslim Preachers Towards Orang Asli

Zulkefli bin Aini^a, Abdul Ghafar bin Don^a, Ahmad Irdha bin Mokhtar^a & Nur Husna Damia binti Nor Sad^b

^aPusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

^bProgram Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

zulaini@ukm.edu.my

Abstrak

Artikel ini merupakan kajian yang dilakukan terhadap pendakwah yang berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Selangor. Ia melibatkan pendekatan dan kemahiran berkomunikasi yang digunakan dalam menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran dakwah. Sehubungan dengan itu, artikel ini secara khusus adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah ketika berinteraksi dengan Orang Asli. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Data diperolehi melalui temubual separa struktur dengan melibatkan seramai lapan orang pendakwah yang terdiri daripada Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Panel Dakwah Muallaf (PDM) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di negeri Selangor sebagai peserta kajian (PK) dan seorang informan kajian untuk ditemu bual. Data disusun dan dikodkan mengikut tema dan kategori hasil dari transkripsi yang lengkap. Kemudian, data dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga proses awal yang digunakan oleh para pendakwah dalam membina bentuk-bentuk komunikasi dakwah. Ia melibatkan peringkat permulaan, perancangan dan persediaan bagi memulakan topik perbualan dalam konteks kandungan interaksi semasa berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Pendakwah menggunakan bentuk komunikasi lisan dan bukan lisan ketika berkomunikasi dengan sasaran dakwah. Ketiga-tiga peringkat ini mempengaruhi keberkesanan dakwah yang disampaikan dan memberikan kesan positif dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci: Komunikasi, dakwah, pendakwah, Orang Asli.

Abstract

This article is a fieldwork study done toward the muslim preachers who preach Islamic teaching to the Orang Asli community in Selangor. It involves the approach and communication skills that are used in conveying the message to the target group of *da`wah*. Therefore, this study aims to identify the types of dakwah communication used by the preachers in order to convey the dakwah messages to the target group namely the aboriginal (Orang Asli) community. This

qualitative study utilizes the case study design. Eight preachers from Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) and Panel Dakwah Muallaf (PDM) in Selangor and a research informant are chosen for interviews. The data are organised and coded based on the themes and categories obtained from the complete transcriptions. Then, the data are analyzed descriptively. The findings show that there are three initial processes used by the preachers in developing the types of dakwah communication. It involves the initiation stage, planning as well as the preparation to begin a conversation on a certain topic when communicating with the Orang Asli. In order to ensure effective communication, the preachers were not only applying verbal communication, but also non-verbal communication in order to open the channel of communication for dakwah. All the three stages influence the efficacy of the dakwah messages presented and give positive impacts towards Orang Asli community.

Keywords: Communication, dakwah, preacher, Orang Asli.

PENGENALAN

Seseorang pendakwah perlu berkomunikasi dengan sasaran dakwahnya bagi menyampaikan mesej dakwah. Dalam konteks ilmu dakwah, mesej dakwah ialah ajaran Islam dari pelbagai sudut seperti akidah, syariah, akhlak dan sejarah Islam (Abd al-Karim Zaydan 1993). Di samping itu, pendakwah boleh menggunakan medium komunikasi yang sesuai untuk mengajak mereka agar memahami, menerima dan menganut ajaran Islam untuk mencapai kebahagian di dunia dan di akhirat (Kustadi 2013). Menurut Muhammad Sholikin (2013) aktiviti komunikasi dakwah juga boleh dilaksanakan dari sudut budaya sesuatu masyarakat atau *communication by culture*. Di samping itu, beliau menyatakan bahawa istilah dakwah yang menggambarkan kerangka proses komunikasi ialah *al-tabligh* (penyampaian ajaran Islam). Ia melibatkan suatu proses penyampaian mesej dan risalah keagamaan melalui metodologi tertentu dengan menggunakan media tertentu kepada kumpulan sasaran sehingga mereka dapat menerima, memahami dan mengemukakan maklum balas terhadap mesej tersebut sama ada secara langsung melalui lisan atau pun bukan lisan. Di samping itu, dalam konteks pendekatan komunikasi dakwah yang boleh digunakan oleh pendakwah ialah secara berhikmah, prinsip kasih sayang, mementingkan kehidupan yang bertoleransi dan memfokuskan kaedah pemujukan.

PENYATAAN MASALAH

Kajian-kajian yang berkaitan dengan dakwah kepada masyarakat Orang Asli telah banyak disentuh oleh ramai pengkaji. Ia disorot dalam pelbagai aspek dan dimensi seperti metodologi dakwah yang digunakan oleh pendakwah kepada masyarakat Orang Asli. Sebagai contoh, kajian Ahmad Redzuwan dan Abdul Ghafar (2009) memfokuskan tentang pendekatan dakwah yang digunakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Negeri Pahang terhadap masyarakat Orang Asli. Antara pendekatan dakwah yang digunakan ialah dakwah melalui pembangunan ekonomi, dakwah melalui pembangunan sosial, dan dakwah melalui kebajikan. Kajian Abdullah Muhammad Zin dan Padzal Hj. Mokhtar (2009) pula memfokuskan tentang metodologi dakwah yang digunakan oleh pendakwah ketika berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Sungai Berua Hulu Terengganu. Kajian tersebut adalah berkenaan faktor-faktor penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap agama Islam yang disampaikan oleh para pendakwah. Antara sebab masyarakat Orang Asli sanggup menerima Islam sebagai anutan dan kepercayaan mereka ialah bukan hanya tertarik kepada penjelasan tentang kebaikan Islam yang disampaikan secara lisan semata-mata, tetapi kajian mendapati bahawa mereka tertarik kepada Islam apabila mereka melihat tingkah laku yang baik dari para pendakwah seperti sifat saling

membantu, hormat menghormati dan kasih sayang antara satu sama lain. Ia dizahirkan melalui proses komunikasi atau interaksi antara pendakwah dan masyarakat orang Asli apabila mereka sentiasa dilayani sebagai sahabat yang setaraf, mereka tidak dipandang rendah dan disantuni sebagai sebagai seorang saudara yang perlu difahami hati budinya. Malah mereka merasakan harga diri mereka dihargai dan diberi perhatian oleh pihak pendakwah. Kajian juga mendapati mereka memeluk Islam bukan kerana adanya tekanan-tekanan tertentu dari pihak pendakwah. Penerimaan kepada agama Islam lebih kepada pengaruh pergaulan dan komunikasi dengan pendakwah yang menyentuh dimensi kejiwaan mereka.

Dalam kelangsungan dakwah kepada masyarakat Orang Asli, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh pendakwah. Menurut Abdul Ghafar Hj Don (2009), antara cabaran tersebut ialah imej kurang baik yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu khususnya masyarakat Melayu yang berjiran dengan Orang Asli. Perbuatan Orang Melayu yang dilihat suka mencuri kerbau, menipu dan memandang hina terhadap Orang Asli menyebabkan timbul perspektif negatif kepada Orang Melayu. Keadaan yang sama turut dikemukakan oleh Zulkefli dan Halim (2016) yang menyatakan bahawa Orang Asli begitu kecewa dengan masyarakat Orang Melayu yang tidak jujur ketika berurusan dengan mereka terutama dari segi urusan jual beli. Keadaan ini menyumbang kepada cabaran untuk mengikis persepsi bahawa agama Islam agama yang baik. Ini kerana mereka beranggapan bahawa agama Islam ialah agama Orang Melayu. Dengan kata lain, mereka mengatakan masuk Islam masuk Melayu. Ada kalangan mereka yang mempersoalkan bagaimana mereka mahu memeluk agama Islam sekiranya sikap yang ditonjolkan oleh Orang Melayu tidak melambangkan kebaikan Islam. Di samping itu, kebimbangan terhadap kehilangan identiti sebagai Orang Asli sejati menjadi penyebab mereka tidak mahu memeluk agama Islam (Toshihiro Nobuta 2007, Ivan Iacey 2013, Zulkefli dan Halim 2016).

Menurut Ramlee (2015), data daripada E-damak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menunjukkan pada tahun 2011 hanya kira-kira 20% Orang Asli memeluk Islam. Pertambahan yang memeluk Islam pada setiap tahun dilihat di tahap yang agak perlakan. Semenjak 1992 sehingga 2001 purata pertambahan setiap tahun hanya sekitar 1.1% (Ramlee 2015). Indikasi ini berpunca dari beberapa aspek, antaranya ialah pendakwah yang didapati kurang mempunyai kemahiran dalam berdakwah serta kurang mempunyai persediaan yang rapi dalam menjalankan tugas berdakwah. Sehubungan dengan itu, menurut Syed Abdurahman Syed Hussin (2010), antara punca kekurangan yang berlaku itu adalah disebabkan fokus yang diberikan kepada usaha-usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli amat sedikit jika dibandingkan dengan dakwah kepada kumpulan sasaran yang lain. Ini ditambah dengan keadaan pendakwah yang kebanyakannya adalah terdiri dari kalangan Orang Melayu sendiri berbanding dengan pendakwah yang lahir dari kalangan masyarakat Orang Asli.

Di samping itu, perkembangan dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli mendapat saingen daripada agama-agama lain terutama agama Kristian. Walau bagaimanapun, ia dilihat sebagai satu persaingan yang sihat sebagaimana pandangan yang dikemukakan oleh Nizam Sahad dan Che Zarrina Saari (2005) antara pendakwah dengan mubaligh Kristian. Pengembang agama Kristian dikatakan sanggup datang dan mengharungi kesusahan untuk melakukan tugas mengkristiankan Orang Asli meskipun mereka terpaksa menghadapi berbagai risiko serta tinggal dalam hutan belantara dan di pedalaman (Syed Abdurahman bin Syed Hussin 2010). Bahkan mereka sanggup untuk berkahwin dengan wanita Orang Asli dengan tujuan menyampaikan agama mereka. Sebagai contoh, seorang pendi'ayah berbangsa Belanda telah berkahwin dengan wanita Orang Asli Jakun dan tinggal di sebuah kampung pedalaman berhampiran dengan Tasik Chini, Pahang (Abdullah Muhammad Zin 1993) dalam (Syed Abdurahman Syed Hussin 2010). Perkara ini turut sama dinyatakan oleh Julie Edo (2011) ketika

memperkatakan tentang perbezaan antara pendakwah Muslim dan misionari agama Kristian. Bagi pendakwah, kerja-kerja dakwah adalah mengajak supaya menganuti agama Islam. Walau bagaimanapun, bagi misionari Kristian, mereka mengamalkan agama mereka melalui interaksi dengan Orang Asli, dan ia adalah satu cara metod untuk memperkenalkan agama Kristian. Di samping itu, pihak misionari Kristian memberi latihan penuh kepada Orang Asli bagaimana ingin menjadi seorang pendi'ayah Kristian yang baik (Julie Edo 2011). Oleh itu, cadangan Aisyah Jami'an (2013) bagi memartabatkan agama Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli, program pengkaderan dakwah dalam kalangan saudara baru Orang Asli perlu diwujudkan oleh pihak bertanggungjawab. Ini kerana mesej dakwah yang disampaikan oleh kelompok sendiri memberi kesan berbeza dan memudahkan usaha meningkatkan kualiti hidup saudara baru Orang Asli itu sendiri.

Berdasarkan permasalahan ini, penulis berpendapat bahawa pendakwah perlu memiliki sejumlah kemahiran tertentu bagi menyempurnakan usaha dakwah yang dilakukan kepada masyarakat Orang Asli. Antara kemahiran yang diperlukan oleh pendakwah ialah kemahiran berkomunikasi. Fokus utama kajian ini ialah kemahiran pendakwah memilih bentuk komunikasi yang sesuai sebelum memulakan proses komunikasi dengan masyarakat Orang Asli.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan bentuk kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Kaedah temubual mendalam dalam bentuk temubual separa struktur digunakan bagi mengumpulkan data kajian. Temubual dilakukan terhadap lapan orang pendakwah yang aktif berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Selangor sebagai peserta kajian dan seorang informan yang merupakan seorang ahli akademik di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang banyak melakukan penyelidikan berkenaan dakwah masyarakat Orang Asli. Pendakwah tersebut ialah seramai enam orang yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dikenali sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan dua orang yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang dikenali sebagai Panel Dakwah Muallaf (PDM). Dalam kajian ini, sampel kajian dipilih secara bertujuan dan ditandakan dengan simbol PK (Peserta Kajian), iaitu PK1, PK2, PK3, PK4, PK5, PK6, Pk7, dan PK8. Antara kriteria pemilihan sampel kajian ialah mereka yang dilantik secara rasmi sebagai pendakwah oleh pihak berkuasa dalam hal ehwal agama Islam di Malaysia, terlibat secara khusus dengan dakwah masyarakat Orang Asli dan ketua zon di daerah dalam negeri Selangor. Proses penganalisisan data dilakukan dengan menyusun dapatan kajian yang disesuaikan dengan tema dan sub tema yang telah dibina bagi setiap soalan bagi menjawab objektif kajian.

KERANGKA ASAS BENTUK KOMUNIKASI DALAM DAKWAH

Usaha membina hubungan komunikasi pendakwah bersama masyarakat Orang Asli penting bagi mewujudkan keharmonian dan keserasian bersama antara pendakwah dan sasaran dakwah. Ab. Aziz (2001) menjelaskan bahawa seorang pendakwah perlu menguasai kemahiran dan teknik pendekatan sesuai dengan latar belakang golongan sasaran. Justeru, pendakwah perlu menggunakan bentuk komunikasi dakwah yang sesuai sebagai seorang penyampai dalam usaha mempengaruhi dan memandu penerima berdasarkan ketetapan yang digariskan oleh syariat Islam. Apabila pendakwah mampu memilih bentuk komunikasi yang betul sesuai dengan keadaan penerima, ia merupakan satu cara memudahkan proses memberi kefahaman tentang mesej yang hendak disampaikan (Asep Syamsul 2013). Menurut Toto Tasmara (1997) dakwah

yang merupakan satu proses komunikasi melalui aspek penyampaian mempunyai bentuk-bentuk komunikasi dakwah khususnya dalam usaha memastikan penerima mesej Islam boleh mengubah sikap dan tingkah lakunya setelah memahami ajaran Islam. Antara bentuk komunikasi dakwah tersebut ialah unsur memujuk dan mempengaruhi sasaran dakwah. Zulkefli dan S. Salahudin (2016) pula berpandangan bahawa bentuk komunikasi dakwah melibatkan komunikasi melalui lisan dan bukan lisan antara pendakwah dengan sasaran dakwahnya.

Dalam konteks komunikasi secara lisan misalnya, proses komunikasi berlaku apabila pendakwah menggunakan medium bahasa pengantar tertentu untuk menyampaikan mesej dakwah kepada penerima melalui saluran lisan seperti pidato, khutbah, dialog dan diskusi. Ini bertepatan dengan kenyataan di dalam al-Quran (*Sūrah Ibrāhīm*: 4) sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud “Dan kami tidak mengutuskan seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dialah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”(Al-Qur'an Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an 2001). Menurut Yusuf al-Qaradawi (2011) bahawa ayat al-Quran tersebut tidak hanya menyatakan bentuk dan bahasa medium si penutur seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman. Ia juga memfokuskan kepada fungsi dan peranan bahasa dalam pertuturan lisan. Sebagai contoh, apabila seseorang berkomunikasi dengan orang awam, maka laras bahasa yang digunakan adalah laras bahasa orang awam dengan mengambil kira tahap pemikiran mereka. Sehubungan dengan itu, bagi menjadi aturan berbicara secara lisan, Zulkefli dan S.Salahudin (2016) mencadangkan agar adab berikut diambil perhatian sebagai satu langkah seperti topik percakapan antara komunikator dengan penerima perlu yang berkaitan dengan perkara yang baik dan manfaat, perlu mengelakkan mengungkapkan perkataan yang tidak mendatangkan faedah, tidak berdusta dalam percakapannya, tidak membuka kekurangan orang lain, tidak mencela dan merendah-rendahkan orang lain dan menjaga adab perbezaan pendapat.

Di samping itu, pendakwah juga boleh berkomunikasi dengan penerima menggunakan pendekatan yang berorientasikan kepada pengembangan dan kemajuan masyarakat dalam sektor tertentu seperti ekonomi dan pendidikan (Zulkefli & S.Salahudin 2016). Melalui komunikasi bentuk ini, mesej dakwah disampaikan secara “senyap” dengan melakukan kebaikan dalam bentuk aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan komuniti sehingga ia berjaya mempengaruhi kumpulan sasaran berbanding mesej lisan yang mereka perolehi melalui ceramah atau pidato (Kustadi 2013). Pendakwah berperanan sebagai agen perubah masyarakat bagi membantu meningkatkan kualiti hidup dalam bidang tertentu seperti ekonomi. Menurut Yusof Hussain (2009), antara tugas dan peranan yang dimainkan oleh pendakwah dalam konteks ini ialah membantu masyarakat untuk mengenalpasti keperluan yang difikirkan sesuai, mendapatkan sokongan daripada pemimpin dan ahli masyarakat dalam menjalankan projek pembangunan kemasyarakatan, membantu ahli masyarakat membangunkan projek tersebut, menyediakan kemahiran-kemahiran tertentu kepada ahli masyarakat yang terlibat, memberikan motivasi, menjadi rujukan untuk memastikan projek yang dijalankan berjalan dengan baik dan membantu membuat penilaian terhadap projek yang dirancang dan sedang dijalankan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan pendakwah yang terdiri daripada PMOA dan PDM menggunakan bentuk komunikasi dakwah secara lisan dan bukan lisan ketika berinteraksi dengan masyarakat Orang Asli di Selangor. Terdapat tiga strategi yang digunakan ketika mengaplikasikan bentuk komunikasi secara lisan dan bukan lisan dalam usaha membina hubungan komunikasi dakwah

bersama masyarakat Orang Asli, iaitu proses permulaan bagi membina hubungan, perancangan dalam mengembangkan pemikiran ketika berkomunikasi dan penentuan topik perbualan bersama masyarakat Orang Asli.

Proses Permulaan Bagi Membina Hubungan Komunikasi Dakwah

Hasil kajian menunjukkan PK 1 hingga PK 8 bersetuju bahawa bahasa berfungsi sebagai medium penting bagi memulakan komunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Kajian juga mendapati bahawa Bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan ketika berkomunikasi secara lisan. Walaupun kajian Jumiya (2014) mendapati tahap penguasaan Orang Asli sangat lemah dan mempunyai masalah memahami Bahasa Melayu, namun hasil kajian ini membuktikan masyarakat Orang Asli di Selangor mampu berkomunikasi dan memahami Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka dengan baik. Tambahan lagi, kajian Rohani & Noor Hasnur (2014) yang mendapati bahawa hubungan antara Bahasa Melayu dan Melayu-Proto mempunyai dialek persamaan yang tinggi. Ini kerana ia merangkumi unsur-unsur kognat dan sistem fonologi pada bahasa yang digunakan. Ini bermaksud, istilah-istilah yang digunakan membawa pengertian yang sama dan mudah difahami. Perkara ini diperkuahkan dengan pandangan Muhammad Busu (2016) yang menyatakan bahawa dalam konteks Orang Asli di Selangor penggunaan istilah bahasa masyarakat Orang Asli Temuan khususnya dikatakan hampir sama dengan penggunaan istilah Bahasa Melayu dalam komunikasi.

Di samping menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan, kajian mendapati bahawa pendakwah perlu menguasai kemahiran melakukan riak muka yang manis bagi menggambarkan keceriaan serta kesediaan menerima dan berinteraksi dengan golongan sasaran. Sebagai contoh, PK 6 menyatakan bahawa seorang pendakwah perlu mempunyai kemahiran ‘bermanis muka’ untuk memudahkan proses awal berkomunikasi bersama masyarakat Orang Asli. Kemahiran ‘bermanis muka’ dalam konteks kajian ini ialah memberikan senyuman, memberikan ucapan ‘Assalamualaikum’ bagi mereka yang beragama Islam, memberikan ucapan ‘salam sejahtera’ dan ‘selamat pagi’ bagi golongan yang bukan beragama Islam. Usaha ini merupakan langkah permulaan membina kemesraan bersama masyarakat Orang Asli.

Hasil kajian menunjukkan usaha pendakwah selari dengan kenyataan Mc Auley (1988) bahawa ekspresi muka, mata dan pergerakan badan mempengaruhi keberkesanan bagi mencapai objektif tertentu dalam proses komunikasi. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendakwah perlu mengaplikasikan kemahiran komunikasi bukan lisan dalam usaha membina hubungan bersama masyarakat Orang Asli. Hal ini seiring dengan kajian Marlyna Maros & Mohd. Baharim (2011) yang mendapati bahawa kata sapaan merupakan langkah memulakan hubungan komunikasi antara dua pihak samada secara lisan atau pun bukan lisan. Sapaan lisan melibatkan komunikasi seperti menyapa seseorang manakala sapaan bukan lisan melibatkan anggota badan seperti senyuman. (pandangan PK 3, PK 5, dan PK 8).

Di samping penggunaan Bahasa Melayu dan kemahiran ‘bermanis muka’, kajian mendapati bahawa pendakwah perlu mengambil tahu aspek latar belakang kehidupan masyarakat Orang Asli terlebih dahulu sebelum memulakan hubungan komunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Menurut PK3, PK5 dan PK8, pendekatan ini penting bagi mewujudkan suasana harmoni dan mesra antara pendakwah dan masyarakat Orang Asli. Antara strategi yang digunakan dalam usaha mengambil tahu tentang kehidupan Orang Asli ialah dengan bertanyakan khabar, kerjaya dan aktiviti harian mereka. Strategi ini akan menggambarkan sifat ingin tahu pendakwah dalam mendekati masyarakat Orang Asli. Malah, temu bual bersama informan juga menunjukkan bahawa pendakwah tidak boleh mewujudkan jurang antara dua pihak kerana dikhuatiri akan

memberikan impak negatif kepada proses dakwah. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 1:

“perkara pertama yang perlu diambil perhatian ialah melakukan persediaan sebelum memasuki perkampungan orang Asli. Persedian merangkumi aspek mental, emosi dan ilmu pengetahuan. Persediaan dari sudut kelimuan merupakan perkara yang paling penting. Pendakwah perlu mempunyai maklumat yang secukupnya mengenai latarbelakang masyarakat Orang Asli apabila hendak berkomunikasi dengan mereka. Apabila perkara ini diabaikan, ia boleh mewujudkan jurang komunikasi antara mereka dan akhirnya boleh mengundang kegagalan dalam berdakwah”

(Informan 1: 2-26)

Strategi memahami kehidupan masyarakat orang Asli adalah merangkumi aspek gaya hidup, pemakanan, pekerjaan, adat dan budaya sesuatu komuniti tersebut. Pengetahuan tentang latar belakang Orang Asli penting untuk memudahkan pendakwah memahami kehidupan Orang Asli secara terperinci. Kajian Ramlee Abdullah et al. (2014) misalnya, yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Orang Asli mendapati bahawa hutan rimba dianggap sebagai ‘bank’ yang tersimpan di dalamnya punca rezeki bagi masyarakat Orang Asli. Oleh kerana mereka menghargai kehidupan dengan latarbelakang hutan, kajian Haliza (2010) mendapati masyarakat Orang Asli sangat beretika dengan alam semula jadi termasuklah hutan. Ini diperkuat lagi dengan sistem nilai yang mereka anuti seperti kepercayaan, amalan dan pegangan hidup yang menjadikan mereka menjaga hutan dan alam sekitar dengan rapi. Kajian Siti Aminah (2015) pula mendapati bahawa Orang Asli mempunyai kepercayaan yang kuat bahawa hutan sebagai sumber utama yang akan berterusan dari generasi ke generasi keturunan mereka. Melihat kepada fungsi itu, kepentingan hutan dapat digambarkan dalam kehidupan Orang Asli. Oleh itu, pendakwah perlu memahami kehidupan Orang Asli serta mengapa mereka bergantung kepada hutan sepenuhnya.

Dalam proses komunikasi, Zulkefli & S. Salahuddin (2016) menjelaskan kefahaman tentang kehidupan masyarakat Orang Asli dikenali sebagai maklum awal sebelum merancang dan menyebarkan dakwah. Dalam erti kata yang lain, pendakwah perlu melakukan rujukan awal dan mendapatkan maklumat mengenai kehidupan serta cara hidup masyarakat Orang Asli terlebih dahulu sebelum berdakwah. Hal ini seiring dengan kenyataan Muhammad Sholikhin (2013) dalam konteks dakwah, para pendakwah perlu mengambil kira aspek masyarakat yang bersifat multi etnik dalam memastikan proses komunikasi berkesan. Zulkefli et al. (2014) menyatakan bahawa kaedah ini merupakan proses komunikasi dakwah antara budaya iaitu usaha pendakwah dalam memahami sesuatu budaya sasaran dakwahnya.

Peringkat permulaan membina bentuk komunikasi dakwah melibatkan kaedah pendakwah berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan. Komunikasi lisan pendakwah dilihat ketika pendakwah menegur sapa masyarakat Orang Asli seperti memberi salam, ucapan salam sejahtera dan bersalaman bersama mereka. Komunikasi bukan lisan pula seperti mimik muka pendakwah iaitu senyum apabila bertemu dengan Orang Asli. Sesuai dengan kenyataan Zawiyah (2009) yang menyatakan bahawa mimik muka adalah bahasa bukan lisan seseorang yang membawa pelbagai maksud dalam penyampaiannya. Oleh itu, usaha pendakwah mendalami sosiobudaya dan gaya hidup masyarakat Orang Asli penting kerana penggunaan bahasa yang digunakan mampu membawa pengaruh kepada perasaan masyarakat Orang Asli dalam proses komunikasi.

Perancangan Memulakan Bentuk Komunikasi Dakwah

Fariza et al. (2000) menjelaskan perancangan melibatkan proses tujuan, mengenal pasti golongan sasaran, cabaran yang perlu dihadapi dan strategi pendakwah dalam mencapai misi dakwah. Dalam usaha membina bentuk komunikasi dakwah, Ab. Aziz (2001) menjelaskan bahawa penyampaian dakwah meliputi dua komponen. Komponen yang dimaksudkan ialah metodologi dan perancangan sesuai dengan golongan sasaran. Beliau menjelaskan lagi, pendakwah juga perlu mengenal pasti isi kandungan dakwah yang disampaikan agar ia bersesuaian dengan kaedah penyampaian dakwah. Selari dengan itu, Amien Wibowo (2015) turut menjelaskan perancangan juga disebut sebagai strategi komunikasi dakwah dalam mencapai tujuan Islam.

Hasil kajian menunjukkan PK 1 membuat perancangan dengan memperkenalkan konsep ‘mentor mentee’ kepada masyarakat Orang Asli. Beliau menjelaskan seorang pendakwah perlu menganggap dirinya sebagai seorang ‘mentor’ untuk menyampaikan dakwah. Walau bagaimanapun, ‘mentor’ yang dimaksudkan bukanlah bererti ia berkuasa sepenuhnya dalam mengawal masyarakat Orang Asli. Sebaliknya, pendakwah sentiasa bersedia dan berhati-hati dengan setiap tindakan yang dilakukan.

Berbeza dengan perancangan PK 4, usaha yang dilakukan tertumpu kepada cara mendekatkan diri bersama pimpinan kampung yang merupakan orang-orang yang berpengaruh dalam komuniti masyarakat Orang Asli seperti Tok Batin, Penghulu Kampung dan Pengerusi Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK). Beliau menjelaskan sekiranya pendakwah mempunyai hubungan baik dengan pimpinan kampung, kehadirannya ke kampung Orang Asli akan lebih mudah diterima oleh seluruh penduduk di kampung berkenaan. Tambahan lagi, penduduk setempat akan lebih mudah mengikuti apa yang dikatakan oleh pendakwah melihat kepada sikap Tok Batin, Penghulu Kampung dan Pengerusi JKKK yang menyambut baik kehadiran pendakwah tersebut. Usaha ini akan memudahkan pendakwah dalam membina hubungan komunikasinya. Ma'ruf & Sarjit (2008) menjelaskan ketua kampung Orang Asli dipilih melalui dua cara iaitu perwarisan (iaitu jawatan tersebut diwarisi daripada generasi terdahulu seperti bapa atau datuk) dan perlantikan. Pemilihan yang dilakukan bergantung kepada kewibawaan seseorang individu dalam komuniti Orang Asli. Justeru itu, perancangan dalam mendekati golongan yang berpengaruh adalah wajar kerana kajian Johari & Nazri 2006; Colin et al. 2010 mendapati masyarakat Orang Asli mengamalkan sistem patuh dalam kehidupan seharian. Gaya hidup ini menjadi amalan turun temurun yang menjadi ikutan tradisi nenek moyang. Oleh yang demikian, keadaan ini menjadikan kedudukan Tok Batin yang disegani dan sentiasa dijadikan tempat rujukan oleh penduduk setempat.

Selain itu juga, hasil kajian menunjukkan para pendakwah membuat perancangan dari aspek pemilihan perkataan dan isi percakapan dalam berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Menurut PK 1 , PK 2, PK 3, PK 6 dan PK 8 di samping penjagaan perkataan dan isi percakapan, adab dan akhlak seorang pendakwah juga penting untuk mempengaruhi dan mengajak Orang Asli mendekati Islam. Kajian mendapati jubah tidak sesuai dipakai oleh seorang pendakwah apabila dia memasuki kampung Orang Asli. Ini kerana ia akan menimbulkan perasaan kurang selesa dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Tambahan pula, cara pemakaian seperti itu tidak bersesuaian dengan sistem nilai yang dimiliki. Kenyataan tersebut bertepatan dengan kajian Juli Edo (1988) yang menunjukkan pengaruh kawalan kepercayaan supernatural telah membentuk kehidupan sosial mereka meliputi nilai, sikap dan personaliti, pantang larang dan adat resam. Di samping itu juga, kajian Mohammad Aslam et al. (2004) juga menunjukkan sifat percaya yang menebal telah membentuk tamadun masyarakat ini. Faktor pegangan terhadap adat dan budaya menampakkan keperibadian dan kehidupan

sosial mereka sentiasa berhati-hati dalam kehidupan. Oleh itu, tidak hairan dikatakan masyarakat Orang Asli sangat menitikberatkan adab agar tidak menyalahi adat dan budaya yang menjadi kepercayaan daam hidup mereka.

Di samping itu juga, kajian mendapati bahawa PK 5 dan PK 7 membuat persiapan dari sudut perancangan dengan menghadiri kursus-kursus berkaitan pembelajaran bahasa Orang Asli. Walaupun masyarakat Orang Asli di negeri Selangor mampu memahami dan bertutur dengan menggunakan Bahasa Melayu, namun kebolehan pendakwah yang mampu menguasai bahasa Orang Asli menunjukkan keistimewaan pada pandangan Orang Asli. Kajian Sa'adiah (2014), misalnya, mendapati suku kaum Che Wong yang terdiri dari kelompok Senoi masyarakat Orang Asli lebih menggunakan bahasa Orang Asli semasa berkomunikasi sesama mereka berbanding penggunaan Bahasa Melayu. Begitu juga kajian Zuriatunfadzlia et al. (2009) menunjukkan kaum Bateq masih tidak mengalami perubahan dari aspek bahasa walaupun mengalami perubahan budaya dalam situasi eko-pelancongan. Mengikut hasil kajian, pengekalan penggunaan bahasa Orang Asli dikenal pasti melalui hubungan komunikasi bersama keluarga, jiran dan masyarakat dalam komuniti tersebut. Ini menunjukkan bahawa mereka mengekalkan identiti bahasa mereka walaupun jumlah populasi mereka yang bersifat minoriti. Keperluan pendakwah mempelajari bahasa Orang Asli memenuhi tahap keutamaan dalam berdakwah walaupun tidak secara keseluruhan kerana dengan penguasaan bahasa, ia menjadi kelebihan kepada pendakwah dalam usaha mendekati Orang Asli (Halim & Zulkefli, 2014).

Dari aspek perancangan membina hubungan komunikasi bersama masyarakat Orang Asli, hasil kajian menunjukkan usaha para pendakwah yang pelbagai untuk mendekati komuniti Orang Asli. Usaha yang dimaksudkan ialah dengan pengamalan konsep mentor mentee dalam pembelajaran, usaha mendekati golongan yang berpengaruh di kalangan masyarakat Orang Asli, perancangan dari sudut pemilihan perkataan dan isi percakapan, menjaga adab dan akhlak sebagai seorang pendakwah dan mendalami bahasa Orang Asli dengan cara menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan berkaitan dengan bahasa Orang Asli. Dalam konteks dakwah, Bassam al-'Umush (2005) mengemukakan kaedah dakwah iaitu *al-ta'lif qabl al-ta'rif* (menangi hati sasaran dakwah terlebih dahulu sebelum memperkenalkan perkara-perkara asas dalam ajaran Islam). Kaedah ini dilihat sebagai menyempurnakan proses mengambil tahu latar belakang sasaran dakwah secara terperinci untuk mengenali mereka dengan lebih dekat sebelum memulakan topik perbualan dengan masyarakat Orang Asli.

Topik Perbualan Bentuk Komunikasi Dakwah

Al-Bayanuni (2010) menjelaskan rukun dakwah secara asasnya terdiri kepada tiga aspek iaitu pendakwah, sasaran dakwah dan topik dakwah. Dari aspek topik dakwah, beliau menjelaskan ia membincangkan mengenai segala aspek meliputi akidah, akhlak dan syariat dalam Islam. Menurut Asep (2013) pengisian dakwah ialah maklumat dan pesanan dakwah yang mendorong manusia menuju syariat Islam. Menurutnya lagi, proses perbincangan yang dilakukan akan membentuk komunikasi dakwah antara pendakwah sebagai sumber dan golongan sasaran sebagai penerima. Oleh itu, kajian mendapati bahawa topik perbualan antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada dua aspek iaitu ilmu dakwah dan ilmu pengetahuan am.

i. Ilmu Dakwah

Ilmu dakwah ialah pengetahuan dan maklumat yang memandu manusia kepada jalan Allah (Kustadi, 2013). Dalam kajian ini, hasil temu bual menunjukkan PK 1, PK 2 dan PK 6 menjelaskan masyarakat Orang Asli akan bertanyakan mengenai sesuatu perkara yang mereka anggap sukar untuk dilakukan. Contohnya perkara berkaitan solat, wuduk, puasa dan berkhitan. Semua amalan ini dianggap sukar memandangkan gaya hidup masyarakat Orang Asli yang

tidak pernah mengamalkannya sebelum mengenali agama Islam. Kajian Mohd Nizam & Che Zarrina (2005) turut mendapati faktor penolakan masyarakat Orang Asli terhadap Islam adalah berkaitan faktor ibadah seperti berkhitan, berpuasa, pemakanan dan perbezaan budaya. Mereka merasa susah untuk melakukan ibadah memandangkan tidak biasa melakukannya sebelum ini. Keadaan ini menjadikan mereka menjauhkan diri dari Islam kerana beranggapan ia sebagai beban dalam kehidupan.

Malah, hasil kajian turut mendapati PK 4 dan PK 5 menjelaskan bahasa kebiasaannya pendakwah yang perlu memulakan terlebih dahulu topik berkaitan Islam kepada masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, pendakwah menjelaskan mereka tidak dapat mengenal pasti sama ada masyarakat Orang Asli benar-benar memahami mesej Islam yang disampaikan atau sebaliknya semasa berkomunikasi. Ini disebabkan oleh sikap mereka yang lebih suka mendiamkan diri semasa proses pembelajaran dan pengajaran (pdp) dijalankan. Berikut merupakan kenyataan daripada PK 4:

“Saya mempunyai pengalaman mengajar Fardhu Ain kepada golongan dewasa Orang Asli. Mereka lebih suka mendiamkan diri ketika berada di dalam kelas pengajian. Sebagai contoh, apabila saya bertanya adakah awak memahami topik yang diajar? Tiada maklum balas yang diterima daripada mereka. Begitu juga apabila saya mengajukan soalan bagi menguji kefahaman mereka tentang topik yang diajar, mereka juga tidak boleh menjawab dengan baik. Keadaan ini menyebabkan saya membuat kesimpulan yang mereka masih belum memahami topik yang diajar. Mereka hanya mengikuti sahaja topik yang diajar tanpa memahaminya dengan baik.”

(PK 4: 53-59)

Situasi pembelajaran seperti itu mempunyai kaitan dengan kajian Nazariyah (2014) yang mendapati sikap anak-anak Orang Asli, persekitaran, pemakanan, minat, pendidikan dan pengaruh ibu bapa menjadi penyebab kepada sikap Orang Asli yang tidak menitikberatkan soal agama dan pelajaran dalam kehidupan seharian mereka. Ekoran dari sikap mereka yang tidak bertanya menyebabkan pendakwah tidak pasti sama ada mesej yang disampaikan itu difahami atau sebaliknya. Hasil kajian juga menunjukkan kenyataan yang sama dikongsi oleh PK 8 yang menggambarkan Orang Asli seolah-olah menjadi ‘penumpang’ di dalam kelasnya, iaitu:

“Ada dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang mengikuti pengajian Fardhu Ain sebagai penumpang sahaja. Mereka hanya mendengar apa yang diajar kepada mereka. Saya dapat memerhatikan bahawa mereka selesa begitu. Keadaan tersebut menyebabkan mereka tidak mementingkan kefahaman topik yang diajar. Seperkara lagi, mereka mempunyai sifat malu apabila berinteraksi dengan orang yang bukan sebangsa dengan mereka. Apabila diajukan soalan bagi menguji kefahaman mereka, mereka tidak boleh menjawabnya walaupun sedikit. Akhirnya, saya membuat kesimpulan bahawa mereka hanya boleh menerima mesej yang disampaikan tetapi tiada maklum balas yang boleh diterima daripada mereka samada mereka memahaminya atau sebaliknya.”

(PK 8:133-137)

Namun demikian, tabiat tidak bertanya dalam kalangan Orang Asli bukanlah satu perkara yang ganjil dalam usaha dakwah kepada mereka. Tabiat ini boleh dikatakan sinonim dengan masyarakat Orang Asli. Berdasarkan kajian Doris et al. (2012) didapati bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai sifat semula jadi seperti malu dan rendah diri terhadap masyarakat luar.

Selain itu, kajian Mohd Johdi et al. (2009) mendapati tahap kesedaran masyarakat Orang Asli masih berada di tahap yang rendah. Ini adalah disebabkan beberapa faktor seperti sikap, keluarga dan persekitaran kehidupan mereka. Kesan daripada itu, kajian Abdul Sukor et al. (2011) mendapati masyarakat Orang Asli mempunyai daya ingatan yang lemah menyebabkan mereka sukar menguasai kemahiran 3M yang melibatkan menulis, membaca dan mengira. Faktor ini membendung mereka daripada bertanya mengenai sesuatu perkara.

Kajian ini turut mendapati bahawa para pendakwah berpengalaman dalam usaha mendekati golongan ini yang mempunyai sifat terlalu malu dan merendah diri. Menurut para pendakwah, sifat-sifat ini menjadikan mereka tidak suka bertanya walaupun mesej dakwah yang disampaikan tidak dapat difahami dengan jelas dalam kalangan Orang Asli. Hal ini bertepatan dengan kajian Ahmad et al. (2009) yang menunjukkan Orang Asli terkenal dengan sifat keperibadian mereka sebagai seorang pemalu dan merendah diri. Justeru itu, Doris (2012) menjelaskan mereka tidak menonjolkan diri secara terbuka kepada khalayak umum sekaligus bersikap prejudis dengan masyarakat awam. Mereka lebih aktif berinteraksi dengan kelompok mereka sendiri. Keadaan seperti ini menurut W.A Amir Zal (2013) dikenali sebagai '*social capitalisme*' iaitu mereka mempunyai hubungan komuniti mengikut cara hidup tersendiri.

ii. Ilmu Pengetahuan Am

Berbeza dengan perkara berkaitan pengetahuan am, isu bantuan, kebajikan dan tingkah laku masyarakat Islam sering menjadi pertanyaan utama Orang Asli kepada para pendakwah. Hasil kajian menunjukkan kenyataan yang sama daripada PK 3, PK 6, PK 7 dan PK 8 iaitu Orang Asli sering mempersoalkan sikap dan tingkah laku negatif yang dilakukan oleh masyarakat Islam. Lebih serius lagi memandangkan masih terdapat segelintir masyarakat Islam yang tidak bertanggungjawab seperti mencuri, tidak menjaga kata-kata, tidak menjaga adab, minum arak, mengedar dadah, memasuki kampung Orang Asli tanpa kebenaran, merogol malah bersekedudukan dengan penduduk Orang Asli. Hal ini membawa imej buruk di kalangan penduduk Orang Asli. Keadaan ini menjadikan cabaran kepada para pendakwah yang ditugaskan khas di perkampungan masyarakat Orang Asli. Hasil kajian juga menunjukkan kenyataan pendakwah iaitu masih terdapat sebilangan penduduk yang tidak menerima kehadiran pendakwah sekiranya mereka mendengar gelaran ustaz. Daripada situasi ini menjelaskan, tidak menjadi satu perkara yang aneh apabila Orang Asli menganggap masuk Islam itu sama seperti mereka masuk Melayu.

Selari dengan kajian Syed Abdurrahman (2009) mendapati bahawa Orang Asli menganggap masyarakat Melayu sebagai model utama kepada agama Islam. Namun demikian, sikap negatif yang dipamerkan oleh masyarakat Melayu telah membawa persepsi negatif dalam kalangan Orang Asli terhadap agama Islam. Kesannya, Orang Asli menganggap dengan memeluk agama Islam, mereka juga telah memasuki Melayu (Zulkefli & Halim 2014; Padzal 1997; Ramlee Abdullah 1988).

Selain daripada itu, hasil kajian juga mendapati pertanyaan Orang Asli kepada para pendakwah juga adalah bersifat di luar jangkaan. Keadaan ini menuntut pendakwah untuk memiliki kemahiran menjawab untuk memastikan Orang Asli berasa yakin dengan jawapan yang diberikan. PK 2 berkongsi pengalamannya mengenai soalan yang ditanyakan oleh Orang Asli kepadanya.

“Sebagai contoh, ada kalangan Orang Asli dalam kategori warga emas bertanyakan soalan tentang kewajaran mereka bersunat dalam usia sedemikian? Tambahan pula, ramai dalam kalangan mereka mengidap penyakit kencing manis. Begitu juga, semalam, saya ditanya oleh Orang Asli tentang jenis-jenis tangisan. Pada mulanya,

agak sukar saya menjawab pertanyaan tersebut. Saya menjawab bahawa terdapat 10 jenis tangisan. Antaranya ialah menangis kerana sakit, gembira, sedih, terkesan dengan tangisan orang lain. Kami berhadapan dengan situasi seperti ini apabila mereka bertanya soalan yang sukar dijawab”

(PK 2: 14-27)

Berikut merupakan soalan yang ditanyakan kepada PK 4 yang mengakui beliau perlu memikirkan jawapan yang sesuai sebelum memberikan jawapan kepada Orang Asli yang bertanya:

“Saya pernah ditanya tentang kenapa perlu berniat terlebih dahulu semasa takbir? Mengapa tidak bertakbir terlebih dahulu kemudian barulah berniat?”

(PK 4: 78-80)

Begini juga penjelasan daripada PK 8 yang menganggap bahawa soalan yang ditanya bersifat mencabar dan sukar untuk dijawab secara spontan. Ini kerana ia perlu memastikan agar jawapan yang diberikan adalah benar dan dapat diterima oleh masyarakat Orang Asli sesuai dengan tahap penerimaan golongan ini.

“Ada kalangan masyarakat Orang Asli yang bertanyakan tentang kehidupan mereka selepas kematian. Kami menganggap persoalan seperti itu merupakan cabaran bagi kami untuk menjawabnya terutama yang melibatkan perkara keimanan”

(PK 8: 35-37)

Daripada hasil kajian yang diperolehi menggambarkan masih terdapat segelintir pendakwah yang tidak bersedia untuk menjawab soalan yang ditanyakan secara spontan. Hal ini disebabkan mereka tidak menjangkakan soalan yang ditanya oleh masyarakat Orang Asli sekaligus memerlukan masa untuk memikirkan jawapan yang mampu meyakinkan Orang Asli. Oleh itu, para pendakwah perlu lebih bersedia semasa berhadapan dengan soalan-soalan yang akan ditanyakan oleh masyarakat Orang Asli. Persiapan dan persediaan pendakwah adalah penting supaya setiap jawapan yang diberikan adalah benar, mudah difahami dan diterima dan mampu meyakinkan masyarakat Orang Asli.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bentuk komunikasi dakwah kepada masyarakat Orang Asli melibatkan tiga peringkat utama iaitu peringkat permulaan, perancangan dan topik perbualan semasa berkomunikasi. Setiap unsur mempunyai peranan dan pengaruh yang membawa kesan kepada dakwah PMOA dan PDM terhadap masyarakat Orang Asli. Bagi pendakwah yang bersifat proaktif dan menggunakan pelbagai kemahiran sesuai dengan keadaan semasa, hubungan komunikasinya bersama masyarakat Orang Asli akan membawa pengaruh positif dan kehadirannya ke kampung berkenaan diterima baik oleh komuniti Orang Asli. Walau bagaimanapun, para pendakwah perlu lebih bersedia dengan soalan-soalan yang ditanyakan oleh golongan masyarakat Orang Asli agar mereka menerima dan yakin dengan setiap jawapan yang diberikan oleh pendakwah. Dapatkan kajian menerusi peringkat permulaan, perancangan dan topik perbualan menunjukkan para pendakwah melakukan pelbagai kaedah untuk mendekati masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, setiap pendekatan yang dilakukan oleh PMOA dan PDM adalah berbeza kerana keperluan mereka untuk mengikuti kesesuaian di penempatan penduduk Orang Asli yang ditugaskan. Ini kerana setiap kawasan penempatan masyarakat Orang Asli mempunyai perbezaan tertentu dalam kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, keadaan ini memerlukan kepada usaha dan kemahiran para pendakwah untuk mengenali secara khusus latar belakang dan gaya hidup masyarakat setempat.

PENGHARGAAN

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2016-051) yang dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2), 59-70.
- Al- Bayanuni, Muhammad Abu Fattah. (2010). *Al-Madkhal ila ‘ilm al-da‘wah*. Lubnan: Al-Risalah al-‘Alamiah.
- Al-‘Umush, Bassam. (2005). *Fiqh al-da‘wah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Al-Qur'an tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. (2001). Terj. Sheikh ‘Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Amien Wibowo. (2015). Strategi komunikasi dakwah. Tesis Sarjana, Fakultas Komunikasi dan Informatika, Universiti Muhammadiyah Surkarta.
- Asep Syamsul M. Romli. (2013). *Komunikasi dakwah pendekatan praktis*. Indonesia.
- Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuwan Othman, & Siti Hajar Idris. (2012). Transformasi modal insan melalui peningkatan pendidikan, kajian kes komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Perak, 4-6 Jun.
- Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot. (2000). *Dakwah dan perubahan sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini. (2014). Dakwah Islamiah kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting, Selangor: isu, cabaran dan permasalahan. Kertas Kerja Seminar Serantau Dakwah dan Etnik, Anjuran Universiti Malaysia Sabah. Sabah, 20 November.
- Haliza Abdul Rahman. (2010). Penglibatan masyarakat peribumi dalam isu berkaitan persekitaran: tinjauan terhadap suku Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *Jurnal Kemanusiaan* 17, 111-134.
- Johari Talib & Nazri Muslim. (2006). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal di sekolah?. *Jurnal Pengajaran Umum* 8, 51-76.
- Juli Edo. (1988). Agama dan perubatan masyarakat semai. Tesis Sarjana, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Jumiya Binti Ahmad. (2014). Masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu: satu kajian kes. Tesis Dr. Fal, Universiti Utara Malaysia.
- Ma'ruf Redzuwan & Sarjit S. Gill. (2008). *Orang Asli isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Marlyna Maros & Mohd Baharim Mayidin. (2011). Jenis dan fungsi sapaan serta persepsi kesantunan dalam interaksi di kaunter pertanyaan. *Jurnal Bahasa* 11(2), 219-234.
- Mc Auley, G. J. (1988). *Komunikasi antara manusia*. Terj. Mohd. Safar Hashim & Fatimah Yussoff. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Aslam, Mohd Mizan Abdullah & Shuhairimi. (2004). Pembentukan nilai-nilai murni masyarakat Semai melalui konsep pandang dunia (*world view*): Satu analisis awal. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004). Anjuran Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Langkawi, 4-6 September.
- Mohd Johdi Bin Salleh, Norul Khairiah Binti Idris, Nur Awani Binti Abd Aziz, Nurul Huda Binti Yusuf & Siti Aisyah Binti Hashim. (2009). Kajian terhadap kesedaran

- pendidikan di kalangan Orang Asli. Kertas Kerja Persidangan Pendidikan Luar Bandar 2009. Anjuran Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, UMS. Sabah, 3-5 Februari.
- Muhamad Busu. (2016). Kursus bahasa Temuan: Pengenalan Orang Asli Temuan. Kertas Kerja Bicara Peribumi. Anjuran Pusat Kajian Orang Asli dan Peribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 17 Mei.
- Onong Uchjana Efendi. (1993). *Ilmu, teori, dan filsafat komunikasi*. Bandung: PT. Citra Aditya Bakti.
- Ramlee Abdullah, Asmawi Ibrahim, Mohamad Hafis Amat Simin, Nur Hafizah Ramle & Mohd Sukhairi Mohd Rasat. (2014). Pemuliharaan hutan dalam kalangan masyarakat semaq beri di negeri Terengganu, Malaysia. *Malaysia Journal Society and Space* 10(3), 113-124.
- Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohd Nor. (2014). Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Bahasa atau dialek Melayu?. Kertas Kerja Persidangan Kearifan Tempatan (RCLK), Anjuran Universiti Sains Malaysia, Kuching, Sarawak, 12-13 Oktober.
- Sa'adiah Maalip. (2014). Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu* 12(1), 32-43.
- Siti Aminah Mohamad Sam. (2015). Kajian amalan budaya Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Peta. Tesis Sarjana, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. (2010). *Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan halangan*. *Jurnal Usuluddin*. September, 155-179.
- Toto Tasmaras. (1996). *Komunikasi dakwah*. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- W.A Amir Zal. (2013). Pembentukan modal insan Orang Asli darat dan laut di Malaysia. *Journal of Society and Space* 9(4), 1-14.
- Zulkefli Bin Aini & S. Salahudin Suyurno. (2016). *Pengantar komunikasi dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Zulkefli Bin Aini, Abd Hakim Mohad, Rosmawati Mohamad Rasit, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, Muhammad Adib Samsudin, Salasiah Hanim Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar & S. Salahudin Suyurno. (2014). Komunikasi dakwah antara budaya dalam masyarakat majmuk di Sabah. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin. Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi (UKM), Universiti Malaysia Sabah. Sabah, 20 November.
- Zuriyatunfadzlia Sahdan, Rosniza Azie Che Rose & Habibah Ahmad. (2009). Perubahan budaya Orang Bateq dalam situasi ekopelancongan di Taman Negara. *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan* 4(1), 159-169.